IMEJ BUDAYA LOKAL SABAH MELALUI ARCA *HILANG DITELAN ZAMAN:* ASNEDI MADUNI
LOCAL CULTURAL IMAGES OF SABAH IN THE SCULPTURE HILANG DITELAN ZAMAN: ASNEDI MADUNI

ASRU LAKMAL WALI[1]
NOR ASMIDAYU BINTI MOHAMAD FAUZI[2]

[1]*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.*
E-mel: asruwali00@gmail.com
[2]*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.*
E-mel: asmidayufauzi@ums.edu.my

Submission Date: 28 Mac 2026 \ Revised Date: 4 September 2026 \ Acceptance Date: 17 November 2026 \ Publication Date: 31 December 2026
DOI: https://doi.org/10.51200/jurnalkinabalu.v32i1.8625

ABSTRAK: Warisan budaya tempatan merupakan salah satu sumber penting dalam pembentukan identiti dan penghasilan seni arca di Sabah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti imej budaya serta menganalisis konsep dan nilai simbolik yang terkandung dalam karya arca *Hilang Ditelan Zaman* oleh Asnedi Maduni. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes dan analisis visual berasaskan pendekatan ikonografi Erwin Panofsky. Data diperolehi melalui pemerhatian langsung terhadap karya, temu bual bersama pengkarya secara dalam talian juga dilakukan serta dokumentasi dan sumber bertulis berkaitan kajian. Analisis dilakukan melalui tiga tahap, iaitu deskripsi pra-ikonografi, analisis ikonografi dan interpretasi ikonologi. Dapatan menunjukkan karya menggabungkan imej *isun-isun,* gendang, gong, *kulintangan*, *serimpak, tudung duang* dan rangka manusia. Imej-imej tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai representasi objek budaya, tetapi membentuk naratif visual tentang kesinambungan warisan Bajau Sama dan kebimbangan terhadap kemungkinan kepupusannya dalam konteks perubahan sosial dan pemodenan. Kajian ini menyumbang dokumentasi dan interpretasi terhadap representasi budaya Bajau Sama dalam karya arca kontemporari Sabah serta menunjukkan potensi pendekatan ikonografi untuk memahami hubungan antara bentuk visual, konteks budaya dan nilai simbolik.

Kata Kunci: Warisan Budaya, Seni Arca, Ikonografi, Arca Kontemporari, Bajau Sama

***ABSTRACT**: Local cultural heritage is an important source for the formation of identity and the development of sculpture in Sabah. This study aims to identify cultural images and analyse the concepts and symbolic values embedded in the sculpture Hilang Ditelan Zaman by Asnedi Maduni. The study employed a qualitative approach with a case study design and visual analysis based on Erwin Panofsky's iconographic approach. Data were obtained through direct observation of the artwork, an online semi-structured interview with the artist, as well as documentation and relevant written sources. The analysis was conducted through three stages pre-iconographical description, iconographical analysis, and iconological interpretation. The finding indicate that the artwork incorporates images of isun-isun, gendang, gong, kulintangan, serimpak, tudung duang, and a human skeleton. These images function not only as representation of cultural objects but also as a visual narrative of the continuity of Bajau Sama heritage and concerns regarding its potential decline in the context*

of social change and modernisation. This study contributes to the documentation and interpretation of Bajau Sama cultural representation in contemporary sculpture in Sabah and demonstrates the potential of the iconographic approach for understanding the relationship between visual form, cultural context, and symbolic value.

Key words: *Cultural Heritage, Sculpture, Iconography, Contemporary Sculpture, Bajau Sama*

PENDAHULUAN

Perbincangan dalam artikel ini meneliti imej budaya tempatan Sabah dan nilai yang terkandung dalam karya seni arca *Hilang Ditelan Zaman* oleh Asnedi Maduni. Imej budaya yang diketengahkan dalam kajian ini merangkumi pelbagai aspek penting kehidupan masyarakat setempat. Menurut Latiff (2012: 110), warisan budaya itu berkaitan dengan keilmuan budaya yang terhasil serta boleh dianggap sebagai suatu perbendaharaan atau khazanah yang besar, luas dan mendalam. Budaya bukan sahaja menjadi asas kepada identiti masyarakat, malah mengandungi unsur keindahan yang boleh diungkapkan melalui karya seni. Dalam konteks ini, seni arca berperanan sebagai medium komunikasi yang menyampaikan cerita, nilai murni dan norma kehidupan. Menurut Yunus (2020: 72), dalam kegiatan seni, proses komunikasi berlaku antara pengkarya sebagai penyampai mesej melalui karya seninya yang dicerminkan melalui simbol ataupun lambang. Oleh itu, penelitian terhadap imej budaya dalam karya arca perlu mengambil kira bukan sahaja bentuk visual yang dapat dilihat tetapi juga konteks budaya dan makna yang mendasarinya.

Menurut Marianto (2017: 5), seni adalah hasil karya manusia yang dibuat melalui sebuah proses pekerjaan yang memerlukan kemahiran khusus ataupun luar biasa. Seni halus sering dikaitkan dengan lukisan, catan, cetakan dan arca. Zainuddin dan D Zulhaimi (2014: 160-161) menjelaskan bahawa arca adalah kerja-kerja binaan bentuk 3-dimensi yang melambangkan objek seni buatan manusia. Menurutnya lagi, arca kontemporari adalah satu kerja seni halus yang unik dan ia mungkin dizahirkan dalam bentuk representasi atau abstrak. Dalam konteks kajian ini, bentuk semi-abstrak yang digunakan oleh Asnedi Maduni menyebabkan imej budaya tidak semestinya dipersembahkan secara realistik. Keadaan tersebut menjadikan pendekatan ikonografi relevan untuk mengenal pasti imej, memahami konteks konvensionalnya dan seterusnya mentafsir nilai simbolik yang terkandung dalam karya.

Balai Seni Lukis Sabah (BSLS) merupakan salah satu pertubuhan yang menyokong perkembangan seni dan budaya tempatan di Sabah. Antara inisiatif utama BSLS dalam mengangkat nilai budaya tempatan ialah Pertandingan Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah yang mula diperkenalkan pada 1985 dan masih aktif sehingga kini. Salah seorang pengkarya yang menyerlah dalam hal ini ialah Asnedi Maduni yang terkenal dengan seni arca berteraskan unsur budaya tempatan. Karya *Hilang Ditelan Zaman* yang terpilih dalam kategori khas Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) ke-39 tahun 2024 memperlihatkan penggunaan beberapa imej budaya dalam satu komposisi arca. Keadaan ini menyediakan satu kajian kes yang sesuai untuk meneliti bagaimana objek budaya diterjemahkan menjadi imej visual dan kemudiannya membentuk naratif serta makna dalam karya seni kontemporari.

Pernyataan masalah kajian ini berasaskan jurang antara kewujudan imej budaya dalam karya seni arca dan keperluan untuk memahami makna serta hubungan antara imej-imej tersebut secara sistematik. Menurut Mohamad et al. (2024), faktor kemodenan telah membawa masuk banyak unsur budaya asing ke dalam diri sebahagian masyarakat terutama golongan

muda. Perubahan tersebut turut menimbulkan cabaran dalam usaha mengenal pasti dan menghayati nilai budaya tempatan yang direpresentasikan melalui karya seni. Dalam konteks karya arca *Hilang Ditelan Zaman* oleh Asnedi Maduni, keadaan ini menjadi lebih kompleks kerana elemen budaya tempatan yang diterapkan dalam karya telah diolah dalam bentuk semi-abstrak, sekali gus memerlukan penelitian dan pemahaman yang lebih mendalam untuk memahami karya tersebut. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengenal pasti dan menguraikan elemen budaya yang diterapkan dalam karya arca beliau agar makna dan nilai budaya yang terkandung di dalamnya dapat difahami dengan lebih jelas.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur dalam kajian ini memfokuskan tiga kelompok perbincangan iaitu warisan budaya dalam seni visual kontemporari, penggunaan pendekatan ikonografi dalam analisis karya seni dan representasi budaya tempatan dalam karya arca. Sorotan ini bukan sahaja digunakan untuk menerangkan kajian terdahulu, tetapi juga untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan dan jurang yang menjadi asas kepada kedudukan kajian ini. Kajian Ismail et al. (2023) menunjukkan bahawa unsur-unsur warisan budaya setempat memang selalu hadir dalam karya seni kontemporari di Malaysia. Warisan budaya tempatan tampil melalui kepelbagaian khazanah budaya dan masyarakat masa lalu di negara ini. Baik budaya masyarakat yang dominan, mahupun kedaerahan yang didasarkan pada sikap seniman, generasi muda yang memiliki kesedaran terhadap budaya tempatan dan penghargaan terhadap asal usul mereka sendiri. Dapatan ini penting sebagai asas bahawa warisan budaya boleh menjadi sumber idea dan identiti dalam seni kontemporari.




Rajah 1: *The Busts of Three-murdered Judges by Isaac Opoku Mensah*

(Sumber: Azaglo, Adom, Adu-Agyem, & Opoku-Mensah, 2022)

Rajah 1 menunjukkan karya seni arca yang kaji oleh Azaglo et al. (2022) dalam artikel yang bertajuk *"My Sculpture, My Life: An Iconographic Study of the Contemporary Ghanaian Sculptor, Isaac Opoku-Mensah"*. Kajian ini mengupas sumbangan penting pengarca kontemporari *Ghana, Isaac Opoku-Mensah* melalui pendekatan ikonografi berasaskan teori Panofsky. Kajian tersebut memperlihatkan bahawa pendekatan ikonografi dapat digunakan untuk menghubungkan imej visual dengan sejarah, budaya dan identiti. Walau bagaimanapun,

konteks kajian ialah *Ghana* dan objek budayanya berbeza daripada konteks Sabah. Hal ini menunjukkan ruang untuk menggunakan kerangka yang sama dalam membaca karya arca yang berasaskan budaya tempatan Sabah.




Rajah 2: Arca Karivarada Gajendra Moksa

(Sumber: Hidayat, 2024)

Rajah 2 merupakan arca yang berasal daripada tradisi Hindu berada di perkampungan Brokoh. Hidayat (2024) membahas ikonografi Arca *Karivarada Gajendra Moksa* di perkampungan *Brokoh*, daerah *Batang*, sebuah kawasan majoriti Muslim. Walaupun berasal daripada tradisi Hindu, arca ini diterima oleh masyarakat Muslim tempatan sebagai warisan sejarah dan budaya bukan sebagai objek ibadah. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan ikonografi berdasarkan teori Panofsky yang meliputi deskripsi pra-ikonografi, analisis ikonografi dan interpretasi ikonologi. Hasil kajian menunjukkan wujudnya toleransi budaya yang tinggi dan keterbukaan terhadap simbol warisan Hindu.

Tulisan Ramli et al. (2022) pula menerangkan tentang perkembangan arca di Malaysia yang terbahagi kepada dua era dan pengaruh luar yang terlibat. Menurut penulis, perkembangan seni arca di Malaysia berlaku dalam dua era iaitu keagungan empayar *Sriwijaya* (abad ke-7 hingga 13 Masihi) dan era kedatangan Islam pada abad ke-14 Masihi. Dapat disimpulkan pada era *Sriwijaya* lebih banyak arca figura manusia yang dijumpai. Lalu berlaku perubahan pada era perkembangan Islam arca dan ukiran yang melambangkan figura manusia dimujaradkan rupa bentuk dan penciptaannya. Jika ada, hanya digambarkan secara abstrak dan tidak menyerupai makhluk hidup. Mengikut Ramli et al. (2022) lagi, dalam melihat perkembangan seni arca Melayu yang menggabungkan nilai tradisional dalam karya mereka, terdapat pengarca dan pengukir yang berkarya membawa kesinambungan nilai dan perlambangan daripada budaya masing-masing.



Rajah 3: Arca *Warisan* oleh *Chee Sing Teck*

(Sumber: Hashim & Sahibil, 2024)

Rajah 3 menunjukkan objek budaya yang telah dikaji oleh Hashim dan Sahibil (2024). Kajian kedua-dua penulis ini merupakan paling hampir dengan kajian ini kerana meneliti simbol budaya masyarakat Sabah dalam karya arca melalui tiga tahap pendekatan ikonografi Panofsky. Kajian tersebut memfokuskan elemen kehidupan masyarakat Rungus, termasuk objek budaya dan perhiasan serta mentafsir hubungannya dengan identiti, fungsi sosial dan sejarah. Persamaan dari segi lokasi budaya dan kerangka teori menjadikan kajian tersebut penting sebagai perbandingan. Namun, objek kajian ini berbeza kerana arca *Hilang Ditelan Zaman* yang memfokuskan budaya Bajau Sama dan menggabungkan beberapa alat muzik, perhiasan, peralatan harian serta rangka manusia dalam satu naratif visual. Justeru, kajian ini tidak mengulangi kajian Hashim dan Sahibil (2024), sebaliknya melakukan kajian yang berbeza dan memberi penekanan kepada hubungan antara imej budaya dengan isu kesinambungan dan kemungkinan kepupusan warisan.

Kajian terdahulu menunjukkan seni arca, warisan budaya dan penggunaan pendekatan ikonografi telah digunakan dalam pelbagai kajian seni untuk meneliti hubungan antara imej visual, konteks budaya dan makna simbolik. Antaranya ialah kajian Azaglo et al. (2022) yang meneliti arca kontemporari *Ghana*, Hidayat (2024) yang menganalisis arca *Karivarada Gajendra Mkosa* serta Hashim dan Sahibil (2024) yang meneliti simbol budaya masyarakat Sabah dalam karya warisan. Perbandingan kajian-kajian terdahulu menunjukkan terdapat perbezaan dari segi konteks budaya dan objek kajian. Sintesis kajian terdahulu dan jurang kajian bagi kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat jurang kajian pada tiga aspek. Pertama, kajian ikonografi berkaitan arca budaya Sabah yang dibincangkan dalam sorotan lepas masih terhad kepada kajian tertentu seperti warisan yang mewakili budaya Rungus. Kedua, belum dibincangkan secara khusus bagaimana gabungan beberapa imej budaya Bajau Sama dengan imej rangka manusia membentuk naratif visual dalam karya *Hilang Ditelan Zaman*. Ketiga, hubungan antara fungsi objek budaya dan nilai simboliknya dalam konteks ancaman terhadap kesinambungan budaya belum dihuraikan secara khusus. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan terhadap karya Asnedi Maduni untuk mengisi jurang tersebut melalui analisis visual dan interpretasi ikonografi.

Jadual 1: Sintesis Kajian Terdahulu dan Jurang Kajian

Kajian Terdahulu	Fokus	Teori/Kaedah	Dapatan	Jurang kajian
Ismail et al. (2023)	Warisan budaya dalam seni visual kontemporari	Kualitatif / kajian seni visual	Warisan budaya menjadi sumber inspirasi dan identiti visual	Tidak memfokuskan analisis ikonografi terhadap arca budaya Sabah
Azaglo et al. (2022)	Arca kontemporari *Ghana*	Panofsky / ikonografi	Imej arca dapat dikaitkan dengan sejarah, budaya dan identiti	Konteks budaya Sabah dan Bajau Sama tidak dikaji
Hidayat (2024)	Arca *Karivarada Gajendra Moksa*	Kualitatif / Panofsky	Simbol arca dapat dibaca melalui konteks sejarah dan penerimaan budaya	Konteks Masyarakat Bajau di Sabah tidak dikaji
Ramli et al. (2022)	Ukiran kayu dan arca moden Malayisa	Kajian seni / sejarah perkembangan	Nilai tradisional dan perlambangan berterusan dalam arca moden	Tidak Menganalisis Karya Asnedi Maduni melalui ikonografi
Hahim & Sahibil (2024)	Arca *Warisan* Oleh Chee Sing Teck	Panofsky / ikonografi	Simbol budaya Rungus berkaitan kehidupan, fungsi sosial dan sejarah	Karya *Hilang Ditelan Zaman* dan naratif budaya Bajau Sama belum dikaji

Sumber: Diubahsuai daripada Ismail et al. (2023), Azaglo et al. (2022), Hidayat (2024), Ramli et al. (2022), Hahim & Sahibil (2024)

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneliti karya arca *Hilang Ditelan Zaman* oleh Asnedi Maduni. Reka bentuk kajian kes dipilih kerana penelitian tertumpu kepada satu karya yang dikaji secara mendalam berdasarkan konteks visual, budaya dan naratif yang terkandung. Pendekatan ikonografi Erwin Panofsky digunakan untuk mengenal pasti ciri dan imej yang terdapat di dalam karya, sekali gus digunakan sebagai kerangka untuk menghubungkan bentuk visual dengan subjek, konteks budaya dan nilai simbolik yang membentuk naratif keseluruhan karya (Panofsky, 2018). Pendekatan ini selaras dengan sifat data kajian yang berbentuk visual, dokumentasi dan naratif.

Sumber data kajian terdiri daripada data primer dan data sekunder. Pertama, data primer diperolehi melalui pemerhatian langsung terhadap karya arca *Hilang Ditelan Zaman* di Balai Seni Lukis Sabah. Pemerhatian langsung di lokasi membolehkan pengkaji meneliti bentuk,

bahan, susunan dan kedudukan imej secara lebih terperinci. Kedua, temu bual secara dalam talian dilakukan dengan Asnedi Maduni pada 27 Januari 2026. Temu bual dilaksanakan menggunakan soalan yang disediakan terlebih dahulu untuk memahami idea dan maksud berkaitan elemen yang digunakan serta maklumat yang diperolehi direkodkan dalam bentuk catatan. Seterusnya, data sekunder pula diperolehi daripada katalog Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) ke-39 tahun 2024, sumber dokumentasi visual dan bahan ilmiah berkaitan seni arca serta budaya yang diwakili dalam karya. Berdasarkan sumber data primer dan sekunder, kesahan tafsiran budaya dapat dilakukan melalui perbandingan sumber. Perbandingan tersebut seperti membandingkan pemerhatian visual terhadap karya, catatan temu bual dengan pengkarya dan maklumat daripada dokumentasi serta sumber ilmiah. Sekiranya sesuatu makna budaya dikenal pasti, maklumat tersebut tidak terus dianggap sebagai nilai simbolik karya tanpa semakan terhadap sumber sokongan.

Jadual 2 menunjukkan tahap teori ikonografi Erwin Panofsky yang terdapat dalam buku beliau yang bertajuk *Studies in Iconology: Humanistic Themes in the Art of the Renaissance* yang diterbitkan semula oleh Routledge (2018).

Jadual 2: Tahap Teori Ikonografi Erwin Panofsky

Object of Interpretation	*Act of Interpretation*
Primary or natural subject matter (A) factual, (B) expressional, constituting the world of artistic motifs.	*Pre-iconographical description (and pseudo-formal analysis).*
Secondary or conventional subjeck matter, constituting the world of images, stories and allegories.	*Iconographical analysis in the narrower sense of the word.*
Intrinsic meaning or content, constituting the world of 'symbolical' values.	*Iconographical interpretation in a deeper sense (Iconographical syntbesis).*

Sumber: Panofsky (2018)

Berdasarkan Jadual 2, ikonografi merupakan salah satu cara untuk menganalisis karya seni, khususnya dalam kajian ini yang berkaitan dengan karya arca dapat dilihat dari segi simbol-simbol yang digunakan. Menurut Panofsky (2018) lagi, *Object of Interpretation* terbahagi kepada tiga iaitu *Primary or Natural Subject Matter* berkaitan dengan fakta, ekspresif dan motif agnostik. Kedua, *Secondary or Conventional Subject Matter* berkaitan dengan imej, cerita dan kiasan. Terakhir, *Intrinsic Meaning or Content* yang berkaitan dengan nilai-nilai simbolik. Manakala *Act of Interpretation* terbahagi kepada tiga iaitu pertama, *Pre-iconographical Description* yang merupakan pengamatan awal objek visual seperti elemen-elemen visual. Kedua, *Iconographical Analysis* yang digunakan untuk mengkaji makna simbolisme di sebalik elemen-elemen visual. Terakhir adalah *Iconological Interpretation* iaitu tahap untuk memahami makna visual.

Proses analisis dilaksanakan secara berurutan daripada mengenal pasti imej dan ciri-ciri dalam karya *Hilang Ditelan Zaman*, naratif dalam konteks budaya dan terakhir interpretasi

nilai simbolik yang membawa makna dalam karya tersebut. Dalam mengaplikasikan teori ini, pengkaji telah menyesuaikan semula kerangka teori agar bersesuaian dengan konteks kajian. Pengubahsuaian tersebut adalah seperti berikut:

i. Deskripsi Pra-Ikonografi

Bahagian pertama pengkaji melakukan pemerhatian secara meluas terhadap objek kajian iaitu seni arca dan mengenal pasti imej budaya yang berkaitan dengan nilai budaya di Sabah dan imej visual. Pemerhatian ini dilakukan secara langsung mahupun tidak langsung tanpa memberikan tafsiran yang mendalam terhadap simbolik sesuatu etnik tempatan melalui garisan, rupa, bentuk, jalinan dan warna (Desa et al., 2022).

ii. Analisis Ikonografi


Seterusnya, setelah mengenal pasti imej-imej budaya dan visual di dalam karya seni arca Asnedi Maduni. Pengkaji melakukan analisis berkaitan imej yang digunakan dan naratif penceritaan di sebalik unsur-unsur tersebut. Pengkaji mengaitkan unsur-unsur tersebut dengan keberkaitannya dalam konteks budaya tempatan (Desa et al., 2022).

iii. Interpretasi Ikonologi

Tahap terakhir, pengkaji mentafsirkan karya tersebut secara menyeluruh dari segi imej-imej simbolik dalam konteks budaya tempatan. Tujuannya untuk mendedahkan kandungan makna yang ingin disampaikan (Desa et al., 2022).

DAPATAN KAJIAN

Karya seni arca *Hilang Ditelan Zaman* (rujuk Rajah 4) yang dihasilkan oleh Asnedi Maduni diperbuat daripada bahan besi. Selain itu, karya tersebut mempunyai ketinggian 173 sentimeter dan lebar 142 sentimeter. Karya seni arca ini dihasilkan pada tahun 2024 untuk menyertai pertandingan Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) ke-39. Karya ini juga telah terpilih sebagai karya pilihan kategori khas yang menunjukkan betapa seriusnya beliau menghasilkan sebuah karya. Pemerhatian terhadap karya di Balai Seni Lukis Sabah menunjukkan bahawa komposisi arca menampilkan gabungan imej budaya dan imej rangka manusia dalam satu struktur visual.



Rajah 4: Arca *Hilang Ditelan Zaman* Oleh Asnedi Maduni

(Sumber: Balai Seni Lukis Sabah, 2026)

Berdasarkan pemerhatian melalui Rajah 4, terdapat tiga elemen budaya yang dikenal pasti terkandung dalam arca ini iaitu alat muzik tradisional, perhiasan tradisional dan peralatan harian serta satu imej visual iaitu rangka manusia. Elemen-elemen budaya tersebut telah diolah dan diterapkan dalam penghasilan karya arca ini. Antara imej budaya tersebut ialah *isun-isun* (rujuk Rajah 5), gong (rujuk Rajah 6), gendang (rujuk Rajah 7), *tudung duang* (rujuk Rajah 8), *serimpak* (rujuk Rajah 9) dan *kulintangan* (rujuk Rajah 10).



Rajah 5: *Isun-isun*



Rajah 6: Gong



Rajah 7: Gendang

(Sumber: Gerbang Maklumat Seni Budaya, 2025)



Rajah 8: *Tudung Duang*



Rajah 9: *Serimpak*




Rajah 10: *Kulintangan*

(Sumber: Gerbang Maklumat Seni Budaya, 2026)


Jadual 3 menunjukkan hasil pemetaan penggunaan pendekatan ikonografi bagi membantu pengkaji dalam menyenaraikan imej-imej budaya dan visual serta memudahkan analisis berkaitan karya arca *Hilang Ditelan Zaman*. Pendekatan tersebut terbahagi kepada tiga bahagian iaitu yang pertama deskripsi pra-ikonografi, kedua analisis ikonografi dan ketiga interpretasi ikonologi.

Jadual 3: Pendekatan Ikonografi dalam Karya Hilang Ditelan Zaman

Imej	Deskripsi Pra-Ikonografi	Analisis Ikonografi	Interpretasi Ikonologi
	- Pada bahagian tengah terlihat imej *isun-isun*. - Imej *isun-isun* tersebut sedang dipeluk oleh rangka manusia. - Struktur yang di bentuk menggunakan dawai.	-Merupakan tradisi lisan (nyanyian berbalas pantun) - *Isun-isun* sering dikaitkan dengan ekspresi perasaan, penceritaan dan penyampaian pengalaman hidup masyarakat Bajau, sama ada dalam konteks hiburan, adat atau komunikasi sosial. - Dimainkan ketika majlis perkahwinan, menyambut kelahiran bayi.	- Kepentingannya semakin dilupakan sebagai satu interaksi sosial masyarakat Bajau. Keaslian lirik semakin terhapus kerana kurang kesedaran terhadap kepentingannya. - Imej *isun-isun* etnik Bajau dapat ditafsirkan sebagai lambang suara dan jiwa masyarakat Bajau. - Nyanyian yang diiringi biola tradisi melambangkan kesinambungan warisan tidak ketara.

	- Bahagian kiri tengah pada karya terlihat dua imej gendang. - Imej gendang tersebut mempunyai saiz yang sama atas dan bawah. - Mempunyai permukaan yang halus dan di bentuk menggunakan dawai atau logam yang nipis.	- Kehadiran imej gendang ini membentuk konsep tentang kesinambungan tradisi dan identiti budaya masyarakat Bajau. - Dikenali juga sebagai muzik 'bertitik' dimainkan ketika majlis perkahwinan.	- Cara pembuatan dan memainkan alat ini merupakan kepakaran yang diwariskan secara turun-menurun. - Imej gendang etnik Bajau dalam karya ini dapat ditafsirkan sebagai lambang denyut kehidupan dan roh budaya masyarakat Bajau. - Bunyi gendang melambangkan kesatuan, keharmonian dan komunikasi.
	- Terdapat juga imej gong yang berada di kiri bawah pada karya. - Imej gong tersebut lengkap dengan motif yang sederhana yang di bentuk menggunakan dawai halus. - Permukaan gong mempunyai jalinan dan bertekstur kasar.	- Gong memainkan peranan penting dalam membentuk ritma dan suasana, serta menjadi medium komunikasi bunyi dalam konteks sosial dan budaya. - Gong sering dimainkan Bersama-sama kulintangan.	- Dimainkan ketika keramaian gong dan menjadi penanda peristiwa penting seperti kematian, bahaya dan pengumuman rakyat. - Ditafsirkan sebagai lambang suara kolektif dan nadi kehidupan masyarakat Bajau. - Bunyi gong melambangkan kesepaduan, keharmonian dan keterikatan sosial dalam komuniti.

	-Pada bahagian tengah karya juga terlihat imej kulintangan yang tersusun hampir membentuk huruf 'S'. - Dapat dipastikan kulintangan yang terdapat pada karya mempunyai saiz yang berbeza-beza. - Alat muzik etnik Bajau. Terdiri daripada 9 gong kecil mempunyai saiz dan bunyi yang berbeza.	- Berfungsi sebagai alat melodi utama yang mengawal alunan dan tempo muzik. - Alat muzik kulintangan biasanya dimainkan ketika majlis keramaian dan ada juga untuk iringan dalam upacara ritual	- Irama pukulan kulintangan merupakan irama yang khas mengikut majlis. Irama tersebut warisan turun menurun. Dapat ditafsirkan sebagai lambang keharmonian, keseimbangan dan kesatuan dalam kehidupan masyarakat Bajau. - Kulintangan mempunyai saiz yang berbeza-beza dan perbezaan ini menghasilkan nada berlainan melambangkan peranan individu dalam komuniti yang saling melengkapi antara satu sama lain.
	-Pada bahagian kanan bawah dan kiri atas karya terlihat imej *serimpak* yang tidak terlalu besar dan tidak juga terlalu kecil. - Permukaan imej *serimpak* tidak bertekstur dan hanya dibentuk menggunakan dawai.	- Perhiasan kepala etnik Bajau. Salah satu pelengkap daripada busana *badu sipak* wanita. - *Serimpak* melambangkan identiti pemakai serta status dan peranan dalam sesebuah majlis atau upacara tertentu - Dahulu *serimpak* diperbuat daripada emas, kini diperbuat daripada perak ataupun logam.	- Imej *serimpak* dapat ditafsirkan sebagai lambang maruah, identiti dan kesinambungan budaya masyarakat Bajau. - Penutup kepala ini bukan sekadar pelengkap kepada busana *badu sipak* wanita tetapi mencerminkan nilai hormat terhadap adat dan tradisi yang diwarisi secara turun-temurun.

	-Bahagian bawah karya di antara imej gong dan imej *serimpak* terdapat imej *tudung duang.* - Imej *tudung duang* tersebut hanya sebahagian yang terlihat. - Mempunyai permukaan yang halus dan dibentuk menggunakan dawai yang lembut.	-Alat Harian iaitu penutup makanan etnik Bajau. - Untuk melindungi makanan daripada gangguan luar, sekali gus mengekalkan kebersihan dan kesegaran. Digunakan juga sebagai cenderahati. - Membentuk konsep tentang penjagaan, kesopanan dan amalan hidup beradat.	- Cara pembuatan, bahan yang digunakan dan pemilihan warna merupakan warisan turun menurun. - Lambang perlindungan, penjagaan dan keharmonian dalam kehidupan masyarakat Bajau. - Mencerminkan nilai menghargai rezeki, kebersihan dan tanggungjawab terhadap kesejahteraan keluarga.
	- Pada bahagian tengah karya juga terlihat satu rangka manusia mempunyai saiz yang besar. Hampir memenuhi ruang atas dan bawah pada karya. - Rangka manusia yang mempunyai kepala, badan, tangan dan kaki. - Terlihat sedang memeluk *isun-isun* etnik Bajau. Diperbuat daripada susunan besi.	- Membentuk konsep tentang kitaran kehidupan, kematian manusia, serta hubungan antara jasad dan makna spiritual dalam konteks budaya masyarakat.	- Rangka manusia memberi bayangan bahawa adat dan budaya Bajau tidak mustahil akan diancam kepupusan. - Kerana rangka manusia sinonim dengan kematian ataupun kepupusan. Simbol kehidupan dan kematian yang sering dijumpai dalam pelbagai budaya dan tradisi. - Penonjolan rangka sebagai elemen utama karya mencerminkan pandangan pengkarya terhadap

			kepentingan memahami kehidupan dan kematian sebagai asas pembentukan nilai, etika, dan identiti budaya masyarakat Sabah.

PERBINCANGAN

Kajian menunjukkan bahawa penggunaan imej alat muzik tradisional dalam karya arca *Hilang Ditelan Zaman* membentuk hubungan antara objek budaya dan konsep kesinambungan warisan. *Isun-isun*, gendang, gong dan *kulintangan* bukan sekadar hadir sebagai objek yang dapat dikenal pasti, tetapi bersama-sama merujuk kepada amalan muzik dan interaksi sosial masyarakat Bajau Sama. Pernyataan ini disokong oleh Asnedi Maduni (2024) yang menyatakan alat muzik ini biasanya digunakan dalam aktiviti tradisi iaitu *bertitik* yang merupakan khazanah warisan masyarakat Bajau Sama di negeri Sabah[1]. Pemilihan unsur budaya tersebut sangat berkaitan dengan usaha menonjolkan warisan yang semakin berhadapan dengan perubahan gaya hidup masyarakat moden. Dalam konteks ini, penggunaan beberapa alat muzik dalam satu karya menghasilkan satu kesatuan visual yang mengingatkan kepada fungsi budaya yang saling berkaitan.

Imej *isun-isun* mempunyai kedudukan penting kerana bentuknya diolah melalui dawai sehingga dapat dikenal pasti sebagai alat muzik yang menyerupai biola. Menurut Mahali (2008: 63), budaya *isun-isun* asalnya hanya dimiliki oleh komuniti Bajau yang menghuni daerah Kota Belud. *Isun-isun* juga dikenali sebagai *nget biula* yang membawa maksud menggesek biola. Dalam karya ini, *isun-isun* tidak berdiri sendiri kerana rangka manusia digambarkan memeluknya. Gabungan tersebut mengubah fungsi objek daripada sekadar representasi alat muzik kepada tanda visual yang berkaitan dengan ingatan, pengalaman dan kesinambungan warisan. Dengan demikian, hubungan antara rangka dan *isun-isun* membina naratif bahawa sesuatu warisan yang pernah hidup dalam amalan masyarakat berpotensi kehilangan kesinambungannya sekiranya tidak lagi diamalkan.

Rangka manusia menjadi elemen penegasan yang mengikat keseluruhan imej budaya dalam karya ini. Menurut Asnedi Maduni (2024), rangka manusia memberi bayangan bahawa adat dan budaya Bajau tidak mustahil akan diancam kepupusan[2]. Tafsiran ini turut selari dengan sifat rangka sebagai imej yang merujuk kepada kematian. Oleh itu, rangka tidak hanya berfungsi sebagai objek visual tetapi menjadi perhubungan antara imej budaya yang masih wujud dengan kemungkinan kehilangan budaya tersebut. Penggunaan rangka bersama alat muzik dan objek budaya membolehkan karya dibaca sebagai naratif visual tentang perubahan sosial iaitu warisan budaya berada dalam keadaan antara kesinambungan dan kehilangan. Seperti yang dijelaskan oleh Asnedi Maduni (2024), arus kemodenan masa yang telah membawa masuk banyak unsur budaya asing terutamanya kepada generasi muda kini dan akan datang. Katanya lagi, budaya-budaya ini tidak lagi diamalkan dan menjadi sejarah masa silam

[1] Dipetik daripada katalog KPTNS ke-39, tahun 2024.
[2] Dipetik daripada katalog KPTNS ke-39, tahun 2024.

pada masa hadapan[3]. Pengkarya menegaskan sekiranya masyarakat sekarang tidak sedar akan kepentingan budaya, tidak mustahil budaya ini akan pupus seperti tajuk karya *Hilang Ditelan Zaman*. Pandangan ini juga dapat dikaitkan dengan perbincangan Mohamad et al. (2024) tentang penghakisan warisan budaya dalam konteks perubahan masyarakat.

Secara keseluruhannya, makna karya tidak terbentuk daripada setiap objek secara terasing, sebaliknya daripada hubungan antara keseluruhan imej yang dipilih. Alat muzik merujuk kepada amalan dan interaksi sosial, *serimpak* dan *tudung duang* merujuk kepada aspek pemakaian serta kehidupan harian, manakala rangka manusia mengubah himpunan objek tersebut menjadi pernyataan tentang kemungkinan kehilangan warisan. Melalui susunan imej yang berlapis, pengkarya membina naratif visual tentang keadaan warisan budaya yang perlu terus diamalkan supaya tidak sekadar tinggal sebagai memori sejarah.

KESIMPULAN

Analisis yang telah dilakukan terhadap karya *Hilang Ditelan Zaman* melalui pendekatan teori ikonografi ini bukan sekadar untuk melihat elemen budaya yang ada tetapi bagaimana pengkarya berjaya menggunakan elemen tersebut dalam menghasilkan karya. Diharap kajian ini mampu mencapai objektif serta menjawab persoalan kajian berkaitan penerapan dan penghayatan nilai budaya khususnya di Sabah menerusi seni arca. Kajian ini juga diharap mampu memperkembang seni budaya agar terus di hargai dan menjadi sumber rujukan kepada penyelidik seni yang akan datang bagi meneroka lebih luas ilmu seni yang berpaksikan nilai budaya tempatan. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa penghayatan nilai budaya tempatan bukan sahaja berperanan sebagai unsur estetika tetapi menjadi teras penting dalam pembinaan makna dan identiti karya seni arca kontemporari. Hal ini disokong oleh pernyataan Kimwah dan Hamzah (2025: 98) yang menjelaskan identiti wilayah di rantau Asia Tenggara adalah berasaskan perpaduan dalam kalangan rakyat melalui pemahaman tentang kepelbagaian budaya. Melalui pendekatan ikonografi, karya *Hilang Ditelan Zaman* dapat difahami sebagai medium wacana budaya yang merakam memori kolektif serta realiti sosial masyarakat Sabah yang berhadapan dengan arus pemodenan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemerkayaan khazanah ilmu seni visual tempatan di samping menggalakkan kesinambungan penghasilan karya seni yang berakar kepada warisan budaya agar tidak luput ditelan zaman.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI GENERATIF

Semasa penyediaan karya ini, penulis menggunakan *Chat Generative Pre-trained Transformer* (ChatGPT) untuk membantu menyunting tatabahasa. Selepas menggunakan alat/perkhidmatan ini, penulis telah menyemak dan menyunting kandungan sebagaimana yang diperlukan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan penerbitan ini.

[3] Dipetik daripada katalog KPTNS ke-39, tahun 2024.

RUJUKAN

Azaglo, A. K., Adom, D., Adu-Agyem, J., & Opoku-Mensah, K. (2022). My sculpture, my life: An iconographic study of the contemporary Ghanaian sculptor, Isaac Opoku-Mensah. *Journal of African History, Culture and Arts (JAHCA)*, 2(1), 1–14.

Balai Seni Lukis Sabah. (2024). Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah ke-39. Balai Seni Lukis Sabah

Desa, N. E., Muhamad, N. A., Arshad, M. F., & Ramli, I. K. (2022). Art appreciation Aznan Omar's solo exhibition: Printing satire. *KUPAS SENI*, 10(2), 22–29.

Hashim, R., & Sahibil, Z. (2024). Simbol budaya masyarakat Sabah dalam karya seni arca "Warisan" oleh Chee Sing Teck. *Gendang Alam,* 13(2), 93–99.

Hidayat, M. (2024). Ikonografi Arca Karivarada Gajendra Moksa dalam Konteks Masyarakat Muslim di Desa Brokoh. *RISTEK: Jurnal Riset, Inovasi dan Teknologi*, 9(2), 16–23.

Ismail, I., Othman, M. R., Hashim Amir, N. M. A., Abdul Hadi, H., & Harun, Z. (2023). Pengaruh warisan budaya lokal dalam karya seni visual kontemporari seniman generasi muda di Malaysia. *KUPAS SENI*, 11(3), 83–90.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2025). Gambar isun-isun / Gendang / Gong / Kulintangan / Serimpak / Tudung Duang. Gerbang Maklumat Seni Budaya. https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my. Akses: 8 Okt 2025.

Jamaludin, A. B. (2016). Ragam Hias dalam Objek Budaya dan Hubungannya dalam Kehidupan Masyarakat Bajau Kota Belud (Tesis Sarjana Sastera). Universiti Malaysia Sabah.

Kimwah, J., & Hamzah, I. M. (2025). Penerapan tulisan Jawi dalam karya catan Dulang Maligay. *Gendang Alam*, 15(2), 1–15. https://doi.org/10.51200/ga.v15i2.7149

Latiff, A. B. (Ed). (2012). Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia. Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mahali, S. N. H. (2008). Interaksi Sosial dalam Isun-Isun Bajau. *Akademika,* 74(Disember), 59–87. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Marianto, M. D. (2017). Seni dan daya hidup dalam perspektif quantum: BP ISI Yogyakarta.

Mohamad, A. N. A., Mohamad, W. N. A., & Ahmad, Z. (2024, Julai 17–18). Warisan budaya terhakis, sanggupkah kita? Dalam E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali ke-9 (PASAK9 2024). Universiti Pendidikan Sultan Idris. e-ISSN: 2811-4051.

Panofsky, E. (2018). Studies in iconology. Routledge. (Karya asal diterbitkan 1939 oleh Oxford University Press).

Ramli, M. F., Abu Hassan, S., Mohamad, S., & Awang, J. (2022). Seni ukiran kayu dalam pendekatan arca moden. *The International Journal of Arts, Culture & Heritage (iJACH),* 7(Special Edition), 91–102.

Yunus, P. P. (2020). Komunikasi ekspresif estetik karya seni. *JCommsci: Journal of Media and Communication Science,* 3(2), 70–77.

Zainuddin, A., & D'Zulhaimi, M. Z. (2014). Arca dan patung: Suatu kefahaman konsep. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni,* 2, 155–164.